“Tiada sebarang mudarat dan tiada yang memudaratkan.”

Daripada Abu Sa‘id, Sa‘d bin Malik bin Sinan al-Khudri رضي الله عنه, bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: “Tiada sebarang mudarat dan tiada yang memudaratkan.”
[حسن] [رواه ابن ماجه والدارقطني وغيرهما مسندًا]

Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjelaskan bahawa wajib menolak segala bentuk kemudaratan dalam pelbagai jenis dan keadaannya, sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain. Tidak boleh bagi sesiapa untuk mencederakan dirinya sendiri atau orang lain dengan apa jua cara sekalipun. Begitu juga, tidak boleh baginya membalas kemudaratan dengan kemudaratan kerana kemudaratan tidak boleh dihapuskan dengan kemudaratan kecuali dalam bentuk qisas tanpa melampaui batas.

http://sunnah.global/hadeeth/ms/show/66531